

U GB 22-08 00195 BA027

BAH

ORANG DALAM MUNGKIN BERI MAKLUMAT KEPADA PEMBANGKANG

Mahathir - Pembangkang

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, mungkin ada kakitangan kerajaan yang memberikan maklumat kepada pembangkang untuk menimbulkan isu-isu bermotifkan politik bagi memburukkan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, tindakan akan diambil terhadap mereka yang menyalurkan maklumat kepada pembangkang tetapi beliau mengakui susah hendak mendapatkan bukti berkenaan.

+Kita berasa dukacita perkara ini berlaku tetapi yang kita sedih ialah kenapa mereka menyampaikan maklumat ini kepada parti lawan.

+Bukan bermakna kerajaan tidak akan mengambil tindakan...kita akan mengambil tindakan kalau mereka ada bukti dan buat aduan kepada kerajaan,+ katanya kepada pemberita selepas melepaskan para peserta pelumbaan kereta +Rali Petronas Malaysia '92+ di Taman Tasik Perdana di sini, hari ini.

Beliau menjawab soalan pemberita bagaimana DAP, yang kebelakangan ini banyak mengemukakan isu-isu seperti pemberian saham Telekom, pita lucah yang dikatakan membabitkan bekas Timbalan Speaker Dewan Rakyat, D.P.Vijandran dan pembelian kereta +Volvo+ Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, boleh memperolehi dokumen-dokumen sulit berkenaan daripada jabatan kerajaan.

+Mungkin ada orang dalam (yang menyampaikan maklumat) tetapi kita hendak dapat maklumat ataupun bukti susah sikit,+ kata Dr Mahathir. -- Lagi.

♥22/08/18-54MST

U GB 22-08 00153 BA028

BAH

Mahathir - Pembangkang 2 Kuala Lumpur

Ketika menjawab soalan lain mengenai kenyataan kesatuan sekerja DBKL, semalam yang mendakwa mempunyai bukti bahawa ada pegawai tinggi DBKL sendiri memberikan maklumat kepada parti pembangkang, Dr Mahathir berkata, kerajaan bersedia menerima aduan mereka jika benar-benar boleh digunakan sebagai bukti.

+Tetapi kalau ini cuma tuduhan sahaja susah kita hendak terima, bukan sahaja yang tinggi, yang bawah pun boleh juga ada 'access' kepada surat-surat,+ katanya.

Setiausaha agung DAP Lim Kit Siang menimbulkan isu pembelian 22 kereta +Volvo+ bernilai \$2.5 juta oleh DBKL yang dikatakan tidak mengikut peraturan.

Apabila ditanya sama ada Datuk Bandar Tan Sri Elyas Omar telah memaklumkan kepadanya mengenai pembelian kereta-kereta itu, Dr Mahathir berkata, beliau tidak hendak campur tangan waktu ini kerana perkara itu dalam penyiasatan.

+Kalau saya campur tangan maka nama saya digunakan untuk tujuan yang mungkin bercanggah dengan proses undang-undang,+ katanya. -- Lagi.

♥22/08/18-57MST

U GB 22-08 00165 BA031

BAH

Mahathir - Pembangkang 3 Kuala Lumpur

Ketika ditanya sama ada tindakan undang-undang boleh diambil terhadap Lim, yang juga ketua pembangkang, sekiranya memiliki dokumen yang dilindungi Akta Rahsia Rasmi (OSA), Dr Mahathir berkata, jika ada bukti Lim memiliki dokumen berkenaan, ia menyalahi undang-undang.

Perdana Menteri berkata, walaupun DAP menimbulkan isu-isu berkenaan, kerajaan berpegang kepada kebenaran dan akan mengambil tindakan jika ada asas.

+Umpamanya pita rakaman yang dikatakan membabitkan Vijandran, kita mengikut proses biasa...demikian juga berkenaan dengan isu +Volvo+ kerana kita tak hendak orang dituduh begitu sahaja.

+Mungkin dia tak salah dan dengan tuduhan ini tercemar namanya, sebaliknya kalau tuduhan itu berasas kita perlu bersihkan keadaan,+ katanya.

Apabila ditanya mengenai saranan Presiden Semangat 46 Tengku Razaleigh Hamzah supaya Barisan Nasional menggunakan kuasa dua pertiga di Dewan Rakyat untuk meminda Perlembagaan Negara dan undang-undang berkaitan agar sesuai dengan kehendak undang-undang Syariah bagi mereka yang ingin memeluk Islam, Dr Mahathir berkata, kenyataan itu cuma +gimik politik.+ -- Lagi.

♥22/08/19-16MST

CNS9939

U GB 22-08 00086 BA032

BAH

Mahathir - Pembangkang 4 (Akhir) Kuala Lumpur

+Dari satu pihak dia hendak pertahankan DAP dan di pihak lain dia hendak mendapat sokongan PAS...jadi ini dalam air punf hidup atas angin pun hidup,+ katanya.

Tengku Razaleigh berkata, tiga hari lepas bahawa seseorang bukan Islam sepatutnya dibenarkan memeluk Islam setelah mencapai umur akil baligh walaupun belum berusia 18 tahun.

Perlembagaan negara memperuntukkan bahawa seseorang yang bawah 18 tahun perlu mendapatkan persetujuan ibu bapa jika ingin menukar agama. -- Bernama.